



**PEJABAT PERDANA MENTERI  
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA**

## **PROGRAM RANCAKKAN MADANI KELANTAN**

---

KOTA BHARU, 9 Ogos 2025 - YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri hari ini telah merasmikan Program 'Rancakkan MADANI Negeri Kelantan dan melancarkan Program 'Aku Kasih Malaysia' bertempat di Dewan Utama Kampus Kesihatan USM Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan.

Program Rancakkan MADANI Kelantan yang dianjurkan oleh Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri bertujuan memperkukuhkan semangat perpaduan, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta memperkasa agenda pembangunan inklusif selaras dengan prinsip Malaysia MADANI.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif, turut diadakan peluncuran program 'Aku Kasih Malaysia' yang merupakan Program yang dianjurkan oleh AKM sempena Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia ini adalah sebagai wadah untuk menyemarakkan semangat kenegaraan, memperkukuh rasa cinta kepada tanah air, serta memupuk identiti nasional yang utuh dalam kalangan rakyat di seluruh negara di sepanjang bulan Kemerdekaan.

Pelbagai program yang sedang dan akan berlangsung antaranya Bicara Kenegaraan yang menetapkan sasaran untuk mencipta rekod dalam *Malaysia Book of Records*, Program Ekspresi Merdeka: Pertandingan Video Kreatif, Pertandingan Pantomim Kenegaraan dan Kembara Kasih Malaysia.

AKM sebagai peneraju latihan kenegaraan akan terus komited dalam menganjurkan program-program yang efektif dalam memupuk semangat patriotisme yang tinggi di kalangan rakyat.

Program ini telah dihadiri seramai 1500 orang peserta terdiri daripada pelbagai NGO, agensi, persatuan belia dan komuniti khususnya warga negeri Kelantan. Turut hadir ialah YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud, Menteri Besar Negeri Kelantan dan YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), YBhg. Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed dan YBhg. Dato' Dr. Haji Roslan bin Hussin, Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia.

**AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA**  
**PEJABAT PERDANA MENTERI**  
**9 OGOS 2025**

---